

Ketaksamaan Linear

Linear Inequalities


Skor

30

Bahagian A

1. Rajah di bawah menunjukkan satu garis nombor. **SK 7.2 TP3**

The diagram below shows a number line.



Tentukan integer paling kecil yang memuaskan ketaksamaan yang diwakili oleh garis nombor itu.

Determine the smallest integer that satisfies the inequality represented by the number line.

- A -4 C -3.4
B -3.5 D -3


2. Antara berikut, yang manakah **tidak** benar? **SK 7.1 TP3**

Which of the following is **not** true?

- A $5 > 1$
B $-4 < 3$
C $0 < -3$
D $-3 > -5$

3. Rajah di bawah menunjukkan satu garis nombor yang mewakili penyelesaian bagi ketaksamaan linear serentak.

The diagram below shows a number line that represents the solution of simultaneous linear inequalities. **SK 7.2 TP4**



Nyatakan penyelesaian bagi ketaksamaan linear serentak itu.

State the solution of the simultaneous linear inequalities.

- A $x > 5$ C $x > -3$
B $x \geq 5$ D $x > 3$

4. Jlsim setiap kek keju, x kg, yang dijual oleh Kedai Kek Gembira tidak kurang daripada 1.05 kg dan tidak melebihi 1.08 kg. Tentukan ketaksamaan yang mewakili situasi di atas. **SK 7.1 TP3**

The mass of each cheesecake, x kg, sold by Kedai Kek Gembira is not less than 1.05 kg and not more than 1.08 kg. Determine the inequality that represents the above situation.

- A $1.05 < x < 1.08$
B $1.05 < x \leq 1.08$
C $1.05 \leq x < 1.08$
D $1.05 \leq x \leq 1.08$


5. Diberi $2k + 1 < 9$ dengan keadaan k ialah integer, cari nilai terbesar bagi k .

Given that $2k + 1 < 9$ where k is an integer, find the largest value of k . **SK 7.2 TP4**

- A 2 C 4
B 3 D 5

6. Rajah di bawah mewakili dua ketaksamaan linear serentak pada suatu garis nombor. **SK 7.2 TP4**

The diagram below represents two simultaneous linear inequalities on a number line.



Ketaksamaan yang manakah mewakili bahagian yang sepunya bagi kedua-dua ketaksamaan itu?

Which inequality represents the common part of both the inequalities?

- A $-4 < x < -1$
B $-4 \leq x < -1$
C $-4 < x \leq -1$
D $-4 \leq x \leq -1$



7. Penyelesaian bagi $9 - 2x < 3$ ialah

The solution of $9 - 2x < 3$ is **SK 7.2 TP4**

- A $x > -3$
- B $x > 3$
- C $x < 3$
- D $x < -3$

8. Antara berikut, yang manakah benar tentang ketaksamaan $5 + \frac{x}{3} < x + 2$?

Which of the following is true about the inequality $5 + \frac{x}{3} < x + 2$? **SK 7.2 TP4**

- | | |
|---------------------|------------|
| A $\frac{x}{3} > 3$ | C $2x > 9$ |
| B $2x < 9$ | D $3 < 2x$ |